

**PRK Kuala Besut Ulang Sejarah 34 Tahun Lalu
Bernama
12 Julai, 2013**

KUALA BESUT, 12 Julai (Bernama) -- Penamaan calon untuk pilihan raya kecil (PRK) Kuala Besut, Jumaat, menyaksikan pertandingan satu lawan satu di antara calon Barisan Nasional (BN) dengan PAS, mengulangi sejarah 34 tahun lalu, apabila dua calon parti yang sama bertanding pada pemilihan yang juga diadakan dalam bulan Ramadan.

Pada 1979, pilihan raya kecil diadakan untuk DUN Kuala Besut juga dalam bulan Ramadan berikutan kematian wakil rakyatnya.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengesahkan menerima borang pencalonan wakil kedua-dua parti di pusat penamaan calon di Kompleks Rakan Muda Kuala Besut pagi Jumaat.

Calon PAS Endot@Azlan Yusof, 48, menyerahkan borang pencalonannya kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya A.Rahim Jusoh pada jam 9.03 pagi manakala calon BN Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman, 37, mengemukakan borang pencalonannya pukul 9.10 pagi.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Pengarah PRK Kuala Besut mengetuai kira-kira 3,000 penyokong mengiringi calon BN ke pusat penamaan calon manakala calon PAS pula diiringi bilangan penyokong yang seimbang diketuai Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Calon BN yang mengenakan baju kebangsaan Melayu serba biru memasuki pusat penamaan calon diiringi Datuk Wan Zakaria Abd Rahman selaku pencadang, dan Roslan Ayob, penyokong, manakala calon PAS yang berbaju hijau hadir bersama Ayat Hadi Mamat sebagai pencadang dan Zulkarnain Abdullah, penyokong.

Hujan gerimis sejak awal pagi dan kehadiran Ramadan tidak menghalang kedua-dua penyokong parti berarak ke pusat penamaan calon yang mula dibuka pukul 9 pagi dalam suasana harmoni dikawal pasukan keselamatan.

Calon BN Tengku Zaihan merupakan seorang jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Putrajaya sebelum ini dan pernah berkhidmat selama lima tahun di JPS Daerah Besut.

Anak kelahiran Kampung Nail, Kuala Besut itu mula mencurahkan bakti kepada masyarakat setempat setelah menyertai JPS 15 tahun lalu dengan memegang jawatan jurutera daerah.

Tengku Zaihan berkata beliau bertekad untuk mengekalkan kerusi itu di tangan BN berdasarkan peluang yang dilihatnya melalui pertandingan satu lawan satu.

"Tiada masalah untuk mendekati rakyat seperti yang biasa saya lakukan sebelum ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas selesai proses pencalonan.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=962740>

